

07 SEP 1997

Mahathir-Pelaburan

HAD PELABURAN ASN/ASB NAIK KEPADA RM200,000

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata had pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB) akan dinaikkan kepada RM200,000 dalam tempoh terdekat ini.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputera, berkata beliau akan mengeluarkan arahan menaikkan had pelaburan skim amanah itu secepat mungkin.

Pada masa ini, had pelaburan ASB ialah RM100,000. Ini kali pertama had pelaburan ASB dinaikkan.

Semasa bercakap pada persidangan berita selepas berakhirnya Perhimpunan Agung Umno 1997 selama tiga hari di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, Dr Mahathir berkata jika 50,000 daripada pelabur menambah pelaburan masing-masing ke tahap maksimum, dana ASB akan meningkat sebanyak RM5 bilion.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika menggulung perbahasan pada perhimpunan agung Umno, mengumumkan kenaikan had pelaburan skim itu.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata langkah itu bertujuan menggalakkan rakyat untuk terus menabung, sekaligus mempertingkatkan dana tempatan.

Katanya, walaupun kadar tabungan negara pada ketika ini mencatatkan rekod tertinggi di dunia iaitu sebanyak 39 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK), ia masih perlu dipertingkatkan.

Ini kerana masih terdapat jurang antara tabungan dan pelaburan dalam negara, katanya.

Anwar turut mengumumkan mengenai penyenaian Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang menjadi antara perkara yang akan disegerakan. -- BERNAMA

AH AHH